

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

24 DISEMBER 2018 (ISNIN)

300 murid termasuk Orang Asli terima sumbangan TNB

LIPIS 23 Dis. - Seramai 300 orang termasuk 100 murid Orang Asli dari dua sekolah di Cameron Highlands dekat sini menerima bantuan kelengkapan pakaian sekolah, beg dan alat tulis sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam Program Kembali Ke Sekolah di Kampung Kuala Medang di sini kelmarin.

Murid Orang Asli berkenaan masing-masing seramai 50 orang dari Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Manson dan SK Telanok manakala penerima lain adalah murid SK Tanjung Gahai dan SK Kuala Medang masing-masing seramai 100 orang.

Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB negeri, Rozianis Mohd. Noor berkata, sumbangan tahunan itu merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB untuk memberi keselesaan kepada murid di pedalaman dalam kalangan keluarga kurang berke-

mampuan menjelang sesi persekolahan baharu tidak lama lagi.

"Kami terpanggil untuk membantu kerajaan negeri memberi bantuan kebajikan kepada murid yang susah dengan memilih sekolah di Jelai dan Cameron Highlands tahun ini.

"Diharapkan bantuan ini secara langsung dapat merangsang murid berkenaan khususnya Orang Asli di pedalaman belajar bersungguh-sungguh dan mencapai kecemerlangan akademik yang menjadi sandaran harapan ibu bapa masing-masing," katanya selepas majlis penyampaian sumbang tersebut yang disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Janakuasa TNB Cameron Highlands, Mustafa Hashim dan Penghulu Mukim Jelai, Asyhar Amin Ahmad.



WAN ROSDY WAN ISMAIL (belakang, tengah) bersama murid dalam Program Kembali Ke Sekolah di Kampung Kuala Medang, Lipis, Pahang, baru-baru ini.